

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 2 APRIL 2015

RUJUKAN : 7605

SOALAN:

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah hasil siasatan atas kumpulan
Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) dan apakah pendirian dan
tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap gerakan SSKM.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis DiRaja Malaysia telah melakukan siasatan terhadap “aktivis-aktivis” SSKM di Sabah di bawah seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 dan seksyen 5 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 bersabit Lahad Datu Repot 1319/2015 bertarikh 7 Februari 2015 kerana menjalankan aktiviti seperti mengedarkan risalah dan kempen menghasut orang ramai menyokong Sabah dan Sarawak untuk keluar daripada Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci berhubung isu ini kerana dikhuatiri akan mengganggu proses siasatan pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendirian Kerajaan adalah jelas di mana tindakan berdasarkan undang-undang sedia ada akan diambil seperti Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan sekiranya siasatan mendapati bahawa mereka terbukti terlibat.